

Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Akademik)  
Office of Deputy Vice-Chancellor  
(Academic)

Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam Selangor Malaysia  
Tel:03-55442002 / 55442233 Fax:03-55442223  
E-mail: ahmadz@salam.uitm.edu.my



Tarikh: 29 November 2002  
Surat Kami: 100-UiTM (TNC/A) 1/1)

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PENGESEHAN KEPAKARAN PROF. MADYA DR. JAAFAR JANTAN  
DALAM BIDANG FIZIK DAN SAINS PENDIDIKAN**

Dr. Jaafar adalah pensyarah fizik di Fakulti Sains Gunaan sejak 1987. Pada tahun 1991 beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah di Kansas State University dalam bidang fizik dan pengkhususan penyelidikan beliau terfokus kepada pembangunan suatu CD-ROM yang dipanggil Physics InfoMall. CD-ROM tersebut yang sekarang ini dipasarkan kepada umum adalah permulaan penglibatan beliau dalam bidang fizik dan sains Pendidikan.

Dr. Jaafar telah banyak menjalankan bengkel penggunaan Physics InfoMall (CD-ROM pengkalan data yang mengandungi buku-buku teks, buku-buku rujukan, demonstrasi, ujikaji, penulisan jurnal akademik dan sebagainya) di seluruh Amerika Utara sepanjang pengajian beliau di sana.

Dr Jaafar telah dianugerahkan Ph.D. (Physics Education) daripada jabatan fizik pada tahun 1994 dan kembali bertugas semula di Fakulti Sains Gunaan, UiTM pada bulan Januari 1995. Sejak beliau kembali, beliau aktif menjalankan penyelidikan yang melibatkan pembelajaran dan pengajaran bidang fizik dan kejuruteraan. Beliau banyak membangunkan dan menghasilkan bahan pembelajaran dan pengajaran untuk membantu pelajar belajar secara aktif. Hasil penyelidikan beliau banyak dibentangkan melalui bengkel dan ceramah jemputan yang beliau berikan. Pembentangan kertas kerja dan menjadi fasilitator bengkel di peringkat nasional dan antarabangsa telah menjadi kemestian kepada Dr. Jaafar dalam usaha beliau menyebarkan kaedah pembelajaran aktif kepada pelajar pra-universiti dan pelajar universiti.

Berdasarkan kenyataan di atas, saya mengesahkan yang beliau adalah seorang yang pakar dalam hal-hal yang melibatkan teknik pengajaran dan pembelajaran bidang fizik dan sains.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

**DATO' PROF DR AHMAD HJ ZAINUDDIN**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik)